

R B168 B A H
HAHATHIR - RELBAS

KLANG, 15 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD TELAH MENGARAHKAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK) SUPAYA MEMPERINDAHKAN SEMUA KAWABAN DI SEPANJANG LALUAN RELBAS SENTUL-PELABUHAN KLANG DI KLANG DAN PELABUHAN KLANG UNTUK MENGGALAKKAN PELANCONG MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN ITU.

PERDANA MENTERI HAHU PROGRAM PENGINDAHAN ITU, YANG MELIBATKAN PENANAMAN POKOK-POKOK BUNGA DAN PEHBINAAN PAPAN-PAPAN TANDA MENGENAI TEMPAT-TEMPAT PELANCONGAN DI SELANGOR, DILAKSANAKAN SECEPAT MUNGKIN.

+PERDANA MENTERI HAHU PERKHIDHATAN RELBAS ITU BUKAN SAHAJA MENJADI BATU PERKHIDHATAN PENUHIPAN6 BIASA TETAPI BERUPAYA MEMPERKENALKAN SELANGOR DAN KAUASAN-KAWASAN SEKITARNYA DAN MALAYSIA KEPADA DUNIA LUAR,+ KATA YANG DIPERTUA MPK, HAJI AHMAD ITHNIN, HARI INI.

ARAHAN MENGENAI PERKARA ITU DITERIMA OLEHNYA BARU-SARU INI, KATANYA SELEPAS MENAIKI PERKHIDMATAN PERCUBAAN RELBAS ITU DARI SENTUL HE PELABUHAN KLANG BERSAMA-SAMA 20 PECAWAI KERETAPI TANAH MELAYU (KTM).

HAJI AHMAD BERKATA MPK AKAN HELAKSANAKAN PROGRAM PENGINDAHAN LALUAN RELBAS ITU DI KAWASAN KLANG DENGAN SECEPAT MUNGKIN DENGAN MENANAM POKOK-POKOK BUNGA DARIPADA PELBAGAI SPESIS YANG TERKENAL DAN BELUM DIKENALI SERTA MEMBINA SEBEBERAPA BANYAK PAPAN TANDA UNTUK MEMPERKENALKAN KEINDAHAN TEMPAT-TEMPAT PELANCONGAN DI SELANGOR. -- LAGI/IN

1523MST 15 04 89

D916

R B170 BAH
HAHATHIR - RELBAS 2 KLAN6

KATANYA, BELIAU JUGA AKAN BERBINCANG DENGAN KTH UNTUK HENGENAL PASTI KAWASAN YANG BOLEH DITANAMI POKOK-POKOK ITU SERTA TEMPAT-TEMPAT YANG BOLEH DIBERI +WAJAH BARU.+

MENURUTNYA, MPK SEDANG MENELITI KEMUNGKINAN MENJEMPUT PARA PENGUSAHA SWASTA MENYERTA PROGRAM BERKENAAN SAMA ADA SECARA PERSENDIRIAN ATAU SECARA USAHASAMA DENGAN MPK DAN KTH.

MENGENAI PERKHIDMATAN RELBAS SENTUL-FELABUHAN KLANG, BELIAU MENYIFATKAN PERKHIDMATAN ITU SEBAGAI SATU CARA BERKESAN BUKAN SAJA UNTUK MENGURANGKAN KESEBAKAN DI LEBUHRAYA PERSEKUTUAN TETAPI JUGA MEMBUKA PELUANG KEPADA PENEROKAAN POTENSI-POTENSI BARU TAPAK PELANCONGAN DI SEPANJANG JALURAN, KTH.

PERKHIDMATAN RELBAS SENTUL-PELABUHAN KLANG ITU AKAN DILANCARKAN OLEH MENTERI PENGANGKUTAN, DATUK DR LING LIONG SIK, SELASA INI.

RELBAS PERTAMA AKAN BERLEPAS PADA PUKUL 6 PA61 SETIAP HARI DAR.1 PELABUHAN KLAN6 DAN TIBA DI SENTUL PADA PUKUL 7.30 PAGI SEBELUM BERTOLAK BALIK KE PELABUHAN KLANG PADA PUKUL 7.35 PAGI. -- LAGI/IN
1526MST 15 04 89

D917

R B171 BAH
MAHATHIR - RELBAS 3 KLAN6

PERKHIDMATAN SETERUSNYA DARI STESEN PELABUHAN KLANG XALAH PADA PUKUL 10 PAGI, 3 PETANG DAN 7 MALAM SEMENTARA DARI STESEN SENTUL PULA IALAH PUKUL 1 TENGAH HARI DAN 5 PETANG, RELBAS YANG BERLEPAS PADA PUKUL 7 MALAM DARI STESEN PELABUHAN KLANG HANYA SETAKAT, STESEN KUALA LUHPUR SAHAJA.

SETIAP PERJALANAN ANTARA KEDUA-DUA TEMPAT ITU MENGAMBIL MASA SATU SETENGAH JAM DAN RELBAS ITU AKAN HELALUI 25 TEHPAT DAN BERHENTI HENGAHBIL PENUHPANG DI 15 STESEN.

ANTARA TEWPAT YANG AKAN DILALUI IALAH KAMPUNG RAJA UDA, TELUK GADUNG, TELUK PULAI, BANDAR KLANG, PADANC JAWA, SHAH ALAM, SUNGAI RENGAM, BATU TIGA, SUBANG JAYA, SUNGAI WAY, KAMPUNG DATUK HARUN, PETALING JAYA, PANTAI DALAM, DEPAN ANGKASAPURI, STESEN KTM KUALA LUMPUR, DEPAN JABATAN PERDANA MENTERI, KOMPLEKS +THE MALL+, JALAN IPOH DAN SENTUL. -- BERNAMA/IN

1528MST 15 04 89
